

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB**  
**[ MACHANG ]**  
**TARIKH : 10 NOVEMBER 2014**  
**SOALAN :**

**YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:**

- a) berapakah jumlah program “Doktor Bersama Rakyat” yang telah dianjurkan oleh Kementerian yang mengambil kira faktor kesusahan masyarakat setempat untuk ke klinik yang berhampiran; dan
- b) adakah keperluan / kelengkapan yang diperlukan oleh seseorang doktor itu mencukupi untuk menjalankan tanggungjawab terutamanya di kawasan klinik-klinik desa.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tiada maklumat mengenai jumlah Program “Doktor Bersama Rakyat” yang dianjurkan kerana program ini dianjurkan oleh pihak NGO.

Perkhidmatan kesihatan yang diberi di negara ini merangkumi fasiliti kesihatan statik seperti hospital, klinik kesihatan dan klinik desa. Perkhidmatan kesihatan yang diberi di klinik kesihatan dan klinik desa adalah berbeza. Oleh itu, keperluan dan kelengkapan di sesebuah klinik kesihatan juga adalah berbeza mengikut skop perkhidmatan yang diberikan oleh fasiliti tersebut. Klinik desa adalah di bawah kendalian jururawat dan juga jururawat masyarakat. Walau bagaimanapun, klinik desa menerima perkhidmatan Pegawai Perubatan melalui lawatan klinik yang ditetapkan secara berkala. Bagi memberi perkhidmatan kesihatan yang komprehensif, pihak KKM sentiasa memastikan keperluan dan kelengkapan yang diperlukan oleh seseorang doktor itu mencukupi untuk menjalankan tanggungjawab mereka di mana-mana fasiliti yang diperlukan.

Di samping jaringan klinik kesihatan yang meluas, sistem kesihatan di Malaysia juga mempunyai sistem rujukan yang baik di mana, sekiranya pesakit yang dirawat di klinik desa memerlukan sebarang rawatan lanjut, jururawat di klinik desa boleh merujuk pesakit tersebut untuk mendapat rawatan Pegawai Perubatan di klinik kesihatan atau hospital yang berhampiran.